

MURAI BATU TARUNG
Blue Rock Thrush

FAMILI: Turdidae
NAMA SAINTIFIK: *Monticola solitarius*

CIRI-CIRI

Individu dewasa jantan diluar musim membiak, warna badan pada keseluruhannya biru kekelabuan pudar. Ia mempunyai jalur-jalur putih dan hitam di bahagian badan manakala bahagian atas kepala berwarna coklat. Bagi sub-spesies *M.s.philippensis*, ia mempunyai bahagian bawah dada dan bawah tongkeng berwarna coklat buah berangan, jalur-jalur yang lebih halus di bahagian badan, bahagian kepala berwarna kekelabuan, warna biru di bahagian atas badan agak lusuh dan warna coklat buah berangan di bahagian bawah badan agak pudar. Bagi burung jantan pada musim membiak, jalur-jalur di bahagian di badan agak tidak kelihatan manakala lain-lain bahagian badan agak kebiruan. Bagi burung betina di luar musim membiak, ia selalunya berwarna kebiruan dari bahagian belakang badan hingga bahagian atas ekor, mempunyai jalur-jalur gelap dan jalur-jalur yang agak pudar di bahagian atas ekor dan juga sayap. Bagi burung betina pada musim membiak, diperhatikan warna bahagian atas badannya agak pudar. Bagi burung juvenil, ia seakan-akan burung betina tetapi bahagian atas kepala dan sayap terdapat tompok-tompok kecil berwarna oren kekuningan pudar, bahagian bawah badan adalah agak lusuh. Lain-lain sub-spesies di Asia Tenggara, *M.s madoci* (residen di selatan Thailand, Semenanjung Malaysia). Anggaran saiz bagi burung dewasa adalah di antara 21 sm-23 sm.

MAKANAN

Makanan utama spesies ini terdiri dari invertebrata kecil, ampibia kecil, beri dan buah-buahan.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan batu terbuka, tepi-tepi jalan, kawasan pertanian, tebing kawasan batu kapur dan kadangkala ia boleh dijumpai di kawasan Bandar. Spesies ini boleh dijumpai sehingga ketinggian 1,830 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi yang agak bernada tinggi *chu sree chur tee tee; wuchee-trr-trrr*. Kadang kala ia mengeluarkan bunyi *tak-tak*, bunyi rendah *tchuck*, diselang seli dengan *tsee, peet* atau *tzick*; bunyi yang agak laju *chakerackack* atau *schracker* dan *chack chack chack eritchouitchouit tchoo tchoo* dan bunyi bergetar *trrr* dan *trr ti chak chak*.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah dari bulan Januari hingga bulan Jun pada sepanjang tahun. Sarangnya adalah berbentuk cawan dan selalunya dibina di lubang pada celah-celah batu, dinding atau struktur bangunan. Burung betina boleh menghasilkan 3-5 biji telur pada setiap kali ianya bertelur dan warna telur adalah biru pudar, dengan kadang kala terdapat bintik-bintik berwarna coklat atau warna karat. Anggaran saiz telur adalah 26 x 19.1 mm.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.